

Fatimah al-Zahra'

Suatu gambaran dari riwayat hidupnya

(10)

“Keredaan Fatimah ialah daripada keredaan dan kemarahan Fatimah ialah daripada kemarahanku. Oleh sebab itu barang siapa kasih akan Fatimah anakku maka sesungguhnya ia kasih akan daku, dan barang siapa menjadikan Fatimah reda maka sesungguhnya ia menjadikan aku reda, dan barang siapa menyebabkan Fatimah marah maka sesungguhnya ia menyebabkan aku marah.”

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeh)

Tidak berapa antaranya masuklah suaminya Saiyidina Ali *karam Allahu Wajhah* bersama-sama beberapa orang rakannya dari suku Bani Hashim. Mereka pun bercakap – dengan didengari oleh Siti Fatimah – tentang perkara pemilihan Saiyidina Abu Bakar menjadi khalifah. Mereka pun menyebutkan beberapa buah hadis Rasulullah mengenai Saiyidina Ali dan menunjukkan kelebihan Saiyidina Ali yang berbunyi:

“*Lā yuḥibbuhu illā mu’min, wa lā yabghaḍuhu illā munāfiq’*”.

(Riwayat al-Tirmizi)

Ertinya: “Tiada kasih akan dia (Ali) melainkan orang mukmin. Dan tiada benci akan dia melainkan orang munafik.”

“*Anta minni bi manzilati Ḥarun min Mūsā*”

(Riwayat al-Bukhari)

Ertinya: “Kedudukan engkau (wahai Ali) di sisiku seperti kedudukan Harun di sisi Musa.”

“*Anā dār al-ḥikmati wa ‘Ālī bābuhā*” (Riwayat al-Tirmizi)

Ertinya: “Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan Ali ialah pintunya.”

“*Man kuntu mawlāhu, fa ‘Aliyyun mawlāhu*” (Riwayat Ahmad)

Ertinya: “Barang siapa yang aku menjadi kekasihnya, maka Ali ialah kekasihnya.”

“*Anta waliya kullu mu’minu ba ‘dī*” (Riwayat al-Tirmizi)

Ertinya: “Engkaulah (wahai Ali) menjadi pembantu bagi tiap-tiap orang mukmin kemudian daripada aku.”

“*Anta minnī wa anā minka*” (Riwayat al-Tirmizi)

Ertinya: “Engkau (wahai Ali) ialah daripada aku, dan aku pula ialah daripada engkau.”

(Demikian hadis-hadis Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ṣallam*

yang menggambarkan kelebihan Saiyidina Ali dan menimbulkan pertanyaan):

Adakah siapa-siapa yang berhak memegang jawatan khalifah selain daripada Saiyidina Ali yang telah dididik oleh Rasulullah, lagi sepupu baginda lagi menantunya (suami Siti Fatimah) dan ayah kepada Saiyidina Hassan dan Saiyidina Husayn – kedua cucu Rasulullah yang

¹ Ayat sebenar ialah: *Annahu lā yuḥibbuka illā mu’min wa lā yabghaḍuka illā munāfiq* (Jami’ al-Tirmidhi) English reference: Vol. 1, Book 46, Hadith 3736

² Hadis sebenar ialah *wa huwa waliyyu kullu mu’min ba ‘dī* (Jami’ al-Tirmidhi) English reference: Vol. 1, Book 46, Hadith 3712

sangat-sangat disayangi oleh baginda? Bukankah dialah juga orang yang pertama sekali memeluk Islam (dari kalangan kanak-kanak), dan yang banyak sekali berjuang menentang musuh di medan-medan perang, dan dialah juga anak muda Quraysh yang gagah berani dan banyak ilmunya?

Siti Fatimah terdiam mendengar perbincangan mereka mengenai soal jawatan khalifah, ia tidak mengambil bahagian dalam perbincangan hari itu. Hari berganti hari, sedang Siti Fatimah tetap mengasingkan diri dari masyarakat ramai, bahkan ia tidak tampil menuntut pusaka yang ditinggalkan ayahandanya: Rasulullah, yang telah ditahan oleh Saiyidina Abu Bakar (dengan alasan hadis Nabi yang mengatakan, bahawa harta Nabi tidak boleh dipusakai, hanya menjadi sedekah kepada umatnya – kepada kebajikan am). Siti Fatimah telah mengasingkan diri kerana perasaan duka nestapanya telah melumpuhkan tenaganya daripada tampil menuntut itu dan ini.

Siti Fatimah akan berlanjutan dalam keadaan itu, jika tidaklah ia dipaksa oleh kewajipan untuk menunaikan hak suaminya dan hak kedua-dua puteranya yang menjadi tanggungannya, iaitu berusaha pada mengembalikan jawatan khalifah kepada keluarga Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi sallam*.

Saiyidina Ali pun membawa Siti Fatimah dengan berkenderaan seekor unta, lalu keluar pada malam hari dan pergi berjumpa kaum Ansar di tempat-tempat perhimpunan mereka, lepas sekumpulan sekumpulan pula. Siti Fatimah telah meminta mereka menyokong Saiyidina Ali dalam tuntutan akan jawatan khalifah, iaitu haknya yang telah diingkari dan tidak diakui oleh pihak yang tertentu.

Mereka sekalian menjawab:

“Wahai puteri Rasulullah, kami telah pun mengaku

taat setia kepada Abu Bakar al-Siddiq, kalaulah suami dan sepupumu (Ali) terdahulu datang berjumpa dengan kami tentulah kami tidak akan memilih siapa-siapa melainkan dia.”

Saiyidina Ali pula berkata:

“Patutkah aku membiarkan Rasulullah di rumahnya dan tidak menguruskan jenazahnya lalu aku dikehendaki keluar (mendapatkan kamu pada saat itu) kerana hendak menuntut kuasa pemerintahan?”

(Saiyidina Aliliah yang telah memandikan jasad Rasulullah dan menguruskan jenazahnya. Musnad Ahmad. 267/1)

Hujah Saiyidina Ali itu telah disokong oleh Siti Fatimah, katanya:

“Apa yang telah dilakukan oleh Abu al-Hassan (Saiyidina Ali) itulah yang sepatutnya dilakukan, tetapi mereka telah melakukan apa yang Allah akan menyoal dan menuntut mereka (kerananya).”

* * *

Kembalilah Siti Fatimah ke rumahnya lalu tinggal mendiamkan diri. Tiba-tiba pada keesokan harinya didengarnya suara riuh rendah di muka pintu, dan akhirnya didengarnya suara Saiyidina Umar cuba hendak masuk ke rumahnya sambil bersumpah dan mengugut bahawa ia akan memaksa Saiyidina Ali mengakui pemilihan Saiyidina Abu Bakar menjadi khalifah dengan memberikan taat setianya, untuk menjauhkan berlakunya sebarang kekacauan dan kerana takut jangan umat Islam berpecah belah dalam soal jawatan khalifah. Siti Fatimah meraung dengan sepenuh-penuh perasaan terharu ujarnya:

“Wahai abahku – Rasulullah, apa yang kami dapati daripada Ibn al-Khattab (Umar) dan Ibn Abi Qahafah

(Abu Bakar) setelah abah wafat?

(Maksudnya: Lihatlah setakat mana perbuatan mereka berdua kepada kami!).

Menangislah orang ramai mendengar raung dan kata-kata yang dihamburkan oleh Siti Fatimah itu. Saiyidina Umar pula telah kembali dengan bersedih hati dan tak dapat berbuat apa-apa. Ia pun pergi mendapatkan Saiyidina Abu Bakar (khalifah yang baharu terpilih) supaya Saiyidina Abu Bakar pergi bersama-sama dengannya ke rumah Siti Fatimah az-Zahra', moga-moga dapat mereka berdua memujuknya dan mengambil hatinya.

Pergilah keduanya ke rumah Siti Fatimah lalu meminta izin hendak masuk berjumpa, tetapi Siti Fatimah tidak mengizinkan, sehinggalah tiba Saiyidina Ali lalu dibawanya mereka masuk. Mereka pun memberi salam, tetapi Siti Fatimah segera memalingkan mukanya daripada bertentang dengan mereka, dan kemudian terus – dengan marahnya – berpaling mengadap dinding (tembok) dan membelakangkan mereka.

Saiyidina Abu Bakar *radiya Allāhu ‘anhu* akhirnya menyatakan maksud kedatangannya, ujarnya:

“Wahai puteri kesayangan Rasulullah. Demi Allah, sesungguhnya kaum kerabat Rasulullah lebih aku kasihi daripada kaum kerabatku sendiri, dan sesungguhnya aku lebih kasih kepadamu daripada anakku ‘Aisyah. Aku lebih suka kalaulah aku mati lebih dahulu daripada ayahandamu Rasulullah. Adakah aku yang sedia kenal kepadamu, dan kenal (mengakui) akan kelebihan dan kemuliaanmu, sengaja pula hendak menahanmu daripada mendapat hak dan pusakamu dari harta peninggalan Rasulullah? Tidak! Tetapi aku ada mendengar Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda: “*lā nūrathu mā taraknā sadaqah*”, “(kami – Nabi – tidak boleh diwarisi, apa yang kami tinggalkan adalah menjadi sedekah untuk kebajikan umat Islam)”.

Siti Fatimah berkata:

“Bagaimana kalau saya khabarkan kepada tuan-tuan berdua, suatu hadis daripada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, adakah tuan-tuan akan mengakui dan beramal dengannya?”

Dengan serentak mereka menjawab: “Ya!”

Siti Fatimah berkata lagi:

“Demi kebesaran Allah, saya bertanya kepada tuan-tua: Tidakkah tuan-tuan pernah mendengar Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda:

“*Riḍā Fāṭimah min riḍā’ī, wa saḥṭu Fāṭimah min saḥṭī, faman aḥabba Fāṭimah ibnatī faqad aḥabbanī, wa man arḍā Fāṭimah faqad arḍānī, wa man askhaṭa Fāṭimah faqad askhaṭnī?*”

Ertinya: “Keredaan Fatimah ialah daripada keredaanku,

SUDAH TERBIT

Dengan gaya dan semangat baru

majalah

angkatan
baru

BULANAN BERGAMBAR, BACHAAN UMUM

Sebulan sekali, harga senaskhah 60 sen

DIKEHENDAKI

Pelanggan², Wakil² Penjual, Penulis² dan Pembantu² diseluruh Malaya, Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah.

Berhubunglah dengan:

PENERBITAN ANGKATAN BARU

Peti Pos 2039,

Kuala Lumpur.

Tel: 79756

dan kemarahan Fatimah ialah daripada kemarahanku. Oleh sebab itu, barang siapa kasih akan Fatimah anakku maka sesungguhnya ia kasih akan daku dan barang siapa menjadikan Fatimah reda maka sesungguhnya ia menjadikan aku reda, dan barang siapa menyebabkan Fatimah marah maka sesungguhnya ia menyebabkan aku marah.”

Saiyidina Abu Bakar dan Saiyidina Umar menjawab:

“Benar, kami berdua telah mendengar akan hadis itu daripada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam.*”

Siti Fatimah berkata lagi:

“Saya bersaksikan Allah dan malaikat-malaikatnya bahawa tuan-tuan berdua telah menyebabkan saya marah dan tidak menjadikan saya reda. Kalau saya berjumpa kelak dengan Rasulullah nescaya saya akan adukan kepadanya (perbuatan) tuan-tuan berdua itu.”

Gementarlah keduanya mendengar kata-kata Siti Fatimah itu.

Saiyidina Abu Bakar pun keluar mendapatkan orang ramai dengan air mata yang bercucuran, lalu meminta kepada mereka supaya menurunkannya daripada jawatannya (sebagai khalifah yang pertama) itu. Tetapi orang ramai telah enggan menurut kehendaknya, kerana ditakuti perbuatan yang demikian akan menimbulkan kekacauan!³

Perpaduan dan permulaan sejarah

Sepanjang yang diketahui ahli-ahli sejarah tidak ada menyebut bahawa Siti Fatimah – setelah peristiwa itu – cuba berusaha untuk mengambil balik akan apa yang telah terlepas, tetapi berita yang tersimpan di dalam lipatan sejarah bahawa Siti Fatimah telah menyerah diri kepada perasaan duka nestapa dan tidak pernah dilihat semenjak ayahandanya

Rasul Allah wafat, melainkan sentiasa berduka cita dan menangis.

Tidak ada sesuatu yang dapat melipurkan hatinya, dan tidak pula ia sanggup menahan sabar. Malah tidak ada harapan baginya selain daripada menurut ayahandanya, sebagaimana berita gembira yang dikhabarkan kepadanya sebelum baginda wafat dahulu.

Pada pagi hari Isnin dua hari bulan Ramadhan,

tahun yang kesebelas Hijriyyah, Siti Fatimah memeluk dan mencium putera-putera dan puterinya serta memandang mereka dengan sepuas-puasnya. Setelah itu ia pun memanggil Ummu Rafi’ (khadam perempuan) lalu menyuruhnya dengan suara perlahan-lahan, katanya:

“Ibu, sediakan saya air mandi”

Siti Fatimah mandi dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang biasa dilakukan, kemudian bersalin dengan pakaian baharu yang telah diketepikan dalam masa berkabung dahulu dan lepas itu berkatalah ia kepada Ummu Rafi’:

“Sediakan tempat tidur saya di tengah-tengah rumah.”

Setelah disediakan Siti Fatimah baring di atasnya dengan mengadap Qiblat, dan bersedia untuk mengadap Tuhannya dan berjumpa dengan ayahandanya yang dikasihi.

Siti Fatimah pun menutup mata bagi kali yang terakhir.

Wafatlah Siti Fatimah *Az-Zahra’ radiya Allahu ‘anha,* dengan ditangisi oleh Saiyidina Ali, kaum keluarga dan orang-orang Islam lalu dikebumikan di tanah perkuburan “al-Baqi” di Madinah dengan segala kehormatan. Setelah selesai kembalilah Saiyidina Ali dengan dukacitanya mendapatkan anak-anaknya yang masih kecil dan ke rumahnya yang telah sunyi sepeninggalan isterinya yang dikasihi.

³ Lihat Sahih Al-Bukhari, kitab (bab) 1/57, Sahih Muslim 52/32, Tabaqat Ibn Sa‘ad: Juzuk 2 dan Juzuk 8, Sunan At-Tirmizi 44/19.

Tidurlah orang-orang Islam di Madinah pada malam itu dalam sedih dan duka nestapa setelah mereka selesai menguburkan puteri Rasulullah yang akhir sekali, sedang pada masa itu baharu berlalu enam bulan sahaja setelah Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* wafat.

Dengan wafatnya Siti Fatimah *az-Zahra’ radiya Allahu ‘anha* maka perpisahan (antara baginda dengan puteri-puterinya yang dikasihi itu) telah bertaup semula tetapi dalam suatu alam yang lain daripada alam kita yang fana ini. Tanah bumi Madinah telah memeluk jasad Siti Fatimah sebagaimana telah dahulu memeluk jasad ayahandanya *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* dan kekanda-kekandanya yang bertiga: Zainab, Ruqyah dan Ummi Kalthum – *riḍwānu Allāhu ‘alayhinna*.

Dengan itu juga takdir Tuhan Yang Maha Berkuasa telah menutup muka yang pertama dari sejarah hidup

Siti Fatimah *az-Zahra’* yang kemudian dia (takdir Tuhan) telah berbalik semula kepada kitab “sejarah hidup keluarga Rasulullah” yang besar dan meliputi itu, untuk dipenuhi dengan perjuangan orang-orang Syi’ah (penyokong-penyokong Saiyidina Ali dan keturunannya), peristiwa sedih di padang Karbala’, pembunuhan keturunan Abu Talib (lepas seorang, seorang pula dalam gelanggang siyasah) tipu daya yang dijalankan oleh orang-orang Parsi untuk menegakkan kerajaan Abbasiyah, terdirinya kerajaan Fatimiyah dan segala yang bersangkutan paut dengan kejadian-kejadian itu seluruhnya, dan kesan-kesan peninggalannya dalam riwayat hidup agama Islam, dan dalam sejarah perkembangan mazhab-mazhab serta percaturan siyasah umat Islam.

Tamat

Baginda Ali Harimau Allah

Sebuah buku riwayat hidup Saiyidina Ali bin Abi Ṭalib, *karam Allahu wajhah*, buah kalam pujangga Arab yang terkenal Abbas Mahmud al-Aqqad.

Saiyidina Ali bukan sahaja seorang pahlawan Islam yang terbilang gagah beraninya tetapi juga seorang yang arif bijaksana dan luas ilmunya sehingga telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dalam sebuah hadis (Riwayat al-Tirmizi)

“Anā dār al-ḥikmati wa ‘Ālī bābuhā”

“Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan Ali ialah pintunya”!

Bacalah riwayat hidupnya yang semerbak harum dan menyegarkan serta menghidupkan semangat keislaman.

Dua penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20 sahaja, belanja mengirimmnya 10 sen.

(Terjemahan Abdullah Basmeh)



Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura